

30.5.2019

KENYATAAN MEDIA OLEH

DATO' IR. JASENI MAIDINSA

CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP

PENCAPAIAN TANDA ARAS TINGGI BAGI KEJURUTERAAN BEKALAN AIR DI PULAU PINANG

- **Liputan bekalan 100% di bandar dan 99.8% di luar bandar pada tahun 2018.**
- **Perkhidmatan bekalan air berterusan, 24/7, tiada catuan air.**
- **Kualiti air boleh diminum yang melebihi parameter keselamatan QAP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.**
- **PBA Holdings Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM36.14 juta.**

PULAU PINANG, Khamis, 30.5.2019: Pada tahun 2018, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mencapai tanda aras tinggi dalam perkhidmatan bekalan air bagi Pulau Pinang walaupun penggunaan air dan bilangan pengguna air meningkat.

Dari segi penggunaan air yang dibilkan, PBAPP mencatatkan purata kenaikan sebanyak 1.64%, daripada 826.3 juta liter sehari (MLD) pada 2017 kepada 840 MLD pada 2018.

Tambahan 1.64% dalam penggunaan mungkin didengar tidak banyak, tetapi dalam istilah sebenar perbezaan adalah 13.7 MLD. Berdasarkan penggunaan domestik purata per kapita Pulau Pinang sebanyak 278 liter/kapita/hari (l/k/h) pada tahun 2018, 13.7 MLD adalah cukup untuk memenuhi permintaan air domestik seramai 49,280 orang.

Sementara itu, bilangan pengguna air berdaftar di Pulau Pinang meningkat sebanyak 1.91%, 604,547 pengguna pada 2017 kepada 616,082 pengguna pada 2018. Dalam erti kata lain, kami berkhidmat untuk tambahan 11,535 pengguna pada 2018.

Sila ambil perhatian bahawa kenaikan penggunaan air dan bilangan pengguna air mencerminkan kemajuan sosio ekonomi yang berterusan

untuk Pulau Pinang. Secara umum, dua faktor utama untuk peningkatan tersebut adalah pertumbuhan penduduk dan peningkatan aktiviti sosio ekonomi.

Untuk memastikan kualiti air yang baik, Jabatan Kesihatan dan PBAPP mengambil 3,182 sampel air terawat di Pulau Pinang untuk analisis fizikal dan mikrobiologi pada 2018. Hasil ujian menunjukkan sampel air terawat di Pulau Pinang melebihi parameter Program Jaminan Kualiti (QAP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan .

Prestasi PBAPP sebagai pengendali air berlesen yang melayani Pulau Pinang dan rakyatnya diringkaskan dalam jadual berikut:

Parameter Pencapaian		PBAPP 2018	Purata Nasional 2017
1	Populasi Dilayani <ul style="list-style-type: none"> • Bandar • Luar bandar 	100.0% 99.8%	97.2% 93.9%
2	Populasi Domestik yang Dilayani bagi setiap Kilometer saluran paip	384*	212
3	Margin Rizab Air Terawat	32.9%	14.3%
4	Air Tanpa hasil (NRW)	21.7%	35.3%
5	Purata Tarif Domestik untuk 35,000 liter pertama setiap bulan	RM0.32 setiap 1,000 liter	RM0.69 setiap 1,000 liter
6	Purata Tarif Industri untuk 500,000 liter pertama setiap bulan	RM1.36 setiap 1,000 liter	RM1.74 setiap 1,000 liter

* statistik 2017

Dari segi kecekapan kos, PBA Holdings Bhd (PBAHB) mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.14 juta bagi 2018.

Keuntungan PBAHB diperolehi terutamanya daripada jualan air di Pulau Pinang oleh PBAPP.

Harus diingat tarif purata air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama sebulan adalah RM0.32 setiap 1,000 liter berbanding dengan purata nasional sebanyak RM0.69 setiap 1,000 liter.

2 ANUGERAH UTAMA BEKALAN AIR KEBANGSAAN PADA 2018

Oleh kerana pencapaian yang baik, PBAPP telah menerima dua anugerah kebangsaan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA) pada 2018. Pada 7.9.2018, kami menerima dua anugerah berikut daripada YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli:

- Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018: “Loji Rawatan Air Terbaik” untuk Loji Rawatan Air Sungai Dua; dan
- Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018.

Anugerah lain yang diterima PBAPP pada tahun 2018 termasuk:

<i>Tarikh</i>	<i>Anugerah</i>	<i>Dikeluarkan oleh</i>
9.8.2018	MSOSH Gold Award (Kelas 1): <ul style="list-style-type: none"> • Loji Rawatan Air Batu Ferringhi • Loji Rawatan Air Bukit Toh Allang 	Persatuan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH)
26.9.2018	Anugerah Kecemerlangan 2018: Pengurusan Risiko Enterprise, Pengurusan Kesenambungan Perniagaan	Tricor Roots Consulting
7.12.2018	Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM 2018: Makmal Pusat PBAPP, Loji Rawatan Air Sungai Dua	Institut Kimia Malaysia (IKM)

Pada 7.1.2019, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, turut menyampaikan “Anugerah Pencapaian Cemerlang 2018” dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada PBAPP.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my